

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

AKP 300 PENGURUSAN KEWANGAN

Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 2.45 ptg. - 5.45 ptg.
(3 jam)

Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan. Jawab EMPAT soalan sahaja daripada mana-mana soalan yang anda kehendaki. Setiap soalan diberi markah yang sama.

1. Maklumat di bawah adalah perlu untuk membuat keputusan pelaburan di dalam Syarikat K, L, M dan N.

	Jangkaan Pulangan E(R) - %	Risiko β	Dividen Sesaham tahun hadapan \$	Purata Pertumbuhan dividen %
Saham Syarikat K	12	0.4	0.30	4
Saham Syarikat L	14	1.5	0.27	6.5
Saham Syarikat M	16	1.0	0.40	5
Saham Syarikat N	17	2.0	0.64	8
Bil. Perbendaharaan (91 hari)	8	0	-	-
Portfolio Pasaran	13	1	-	-

...2/-

Anda diminta:

- (a) Lukiskan secara kasar Garisan Pasaran Sekuriti. Dengan mengguna rajah tersebut, cuba anda terangkan konsep Model Letak Harga Aset Modal (CAPM).
- (b) Tunjukkan saham yang mahal atau murah dan beri sebab.
- (c) Sekiranya jumlah pelaburan diageh sebanyak 10% ke dalam setiap saham K, L, M dan N dan bakinya dilabur ke dalam aset tanpa risiko, maka berapakah jangkaan pulangan dan risiko portfolio tersebut.

2. Syarikat Pelancungan Langkawi Sdn. Bhd sedang membuat analisa cadangan untuk memiliki sebuah mesin angkut yang mempunyai keupayaan 20,000 ke 24,000 pound melalui 2 alternatif, pembelian dan pajakan. Maklumat lanjut seperti berikut:

Harga mesin angkut	\$20,000
Kedayahidupan ekonomi	4 tahun
Nilai sisaan	\$ 4,000
Metod Susut Nilai	Susutan garis lurus
Aliran wang masuk (yang diperolehi daripada mesin) sebelum cukai dan susutan	\$ 6,000
Kadar faedah pinjaman selama 4 tahun	10%
Kadar cukai	50%
Bayaran pajakan tahunan (4 tahun)	\$ 6,000
Kos penyelenggaraan tahunan yang telah di masuk di dalam bayaran pajakan	\$ 1,000
Kos modal	12%

- (a) Beri pandangan anda sama ada syarikat ini harus membeli atau memajak mesin tersebut.

...3/-

(b) Apakah yang dimaksudkan dengan pajakan kewangan dan sebutkan kriteria-kriteria yang membezakannya dengan pajakan operasi.

3. Syarikat di bawah mempunyai 100% modal ekuiti dan maklumat yang berkaitan dengannya ialah:

	<u>Nama Syarikat</u>					
	<u>A</u>	<u>B</u>	<u>C</u>	<u>D</u>	<u>E</u>	<u>F</u>
Saham biasa \$1(000)	150,000	500,000	2,000	10,000	100,000	60,000
Harga pasaran \$(ex div)	3.42	0.62	2.20	1.12	1.49	2.57
Perolehan sekarang (\$000)	62,858	63,952	989	2,454	21,996	21,362
Dividen seka- rang (\$000)	6,158	48,130	599	1,033	11,466	4,932
Nilai ekuiti (dalam kunci kira-kira) \$ 000	315,000	293,000	3,800	9,800	117,000	106,000
Dividen 5 tahun lepas (\$000)	2,473	37,600	372	514	7,122	2,454
Anggaran kos modal (%)	-	20	-	24.0	-	18.5

Syarikat E dan F melibatkan diri di dalam pelbagai aktiviti sementara 4 buah syarikat lain cuma mengeluarkan air minuman dengan percampuran bahan input yang serupa. Jumlah dan struktur modal bagi syarikat-syarikat di atas tidak berubah sejak 5 tahun yang lepas.

(a) Anda dikehendaki mengira kos modal Syarikat A, C dan E.

...4/-

- (b) Berikan sebab tentang wujudnya perbezaan kos bagi sebuah syarikat dengan syarikat lain.
 - (c) Bagaimanakah hendak memperbaiki perkiraan kos modal supaya memperolehi anggaran kos yang lebih tepat.
4. Syarikat X bercadang hendak mengambilalih syarikat Y dengan nisbah pertukaran - 2 saham syarikat Y untuk 1 saham syarikat X. Perolehan sesaham bagi syarikat Y ialah \$2.52 dan \$4.16 bagi syarikat X. Harga saham di dalam pasaran pada masa ini - \$16 sesaham bagi syarikat Y dan \$41 bagi syarikat X. Syarikat X dan Y masing-masing mempunyai 200,000 saham yang telah dikeluarkan dan dibayar sepenuhnya.
- (a) Apakah kesan percantuman ke atas perolehan sesaham Syarikat X dan Y.
 - (b) Dengan mengandaikan Syarikat X dapat mempertahankan nisbah harga dan pulangan (P/E) pada paras sekarang, berapa banyakkah pemegang saham X dan Y memperoleh untung atau rugi daripada percantuman ini.
 - (c) Bincangkan kebaikan-kebaikan yang mungkin diperolehi dengan membiayai percantuman melalui terbitan sekuriti yang boleh ditukar kepada saham biasa.
5. Hikmat Bhd adalah sebuah syarikat yang konservatif di dalam pembayaran dividen dan mengikut akaunnya baru-baru ini terdapat nisbah tutupan dividen ialah 1:2. Pada tahun ini syarikat memperolehi untung selepas cukai sebanyak \$530,000 dan berikutnya pihak syarikat akan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah untuk menentukan kedudukan dividen. Di dalam mesyuarat yang sama, Lembaga Pengarah juga akan mempertimbangkan pelaburan-pelaburan berikut:

...5/-

<u>Projek</u>	<u>Jumlah Pelaburan \$</u>	<u>Kadar pulangan se-tahun (%)</u>
P	150,000	20
Q	250,000	19
R	100,000	18
S	90,000	17

Kos modal saham biasa 19% setahun dan pulangan tertahan 18% setahun; sementara kos purata modal wajaran ialah 16% setahun.

Anda diminta:

- (a) memberi cadangan polisi dividen dan cara manakah projek-projek tersebut harus dibiayai.
- (b) Bincangkan apakah faktor-faktor yang mesti diambil kira di dalam membuat polisi dividen.

6. Cuba anda terangkan dengan ringkas 4 konsep berikut:

- (i) Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)
- (ii) Jawatankuasa Pelaburan Modal (CIC)
- (iii) Pembubaran
- (iv) Pulih Balik (Turn around)
- (v) Hipotesis Pasaran Effisyen (EMH)
- (vi) Perbatasan Efisyen (Efficient frontier)

- oooOooo -

